

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 04 OKTOBER 2014 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Penjenayah mungkin ambil kesempatan	Berita Harian
2.	Pelan 6 tahun mampu kurangkan korban jalan raya	Berita Harian

APLIKASI INSTANT GOOGLE STREET VIEW

# Penjenayah mungkin ambil kesempatan

» Orang ramai perlu prihatin dengan keupayaan teknologi

Oleh Lum Chee Hong  
lumch@bh.com.my


■ Kuala Lumpur

**A**plikasi Instant Google Street View yang diperkenalkan baru-baru ini, mencetuskan kebimbangan dalam kalangan rakyat.

Ia berikutan aplikasi berkenaan membolehkan orang ramai melihat tempat awam, termasuk kedudukan rumah dengan hanya memasukkan alamat sebelum melakukan carian menggunakan aplikasi itu.

Tinjauan mendapati orang ramai bimbang dengan keselamatan kediaman masing-masing kerana aplikasi itu memaparkan dengan jelas kedudukan rumah, sekali gus memudahkan pihak tertentu, terutama penjenayah mengambil kesempatan daripada teknologi berkenaan.

Suri rumah, Nurul Nadia Abd Ghani, 28, berkata dia bimbang kerana penjenayah boleh melihat rumah yang hendak dipecah masuk.



Pemilik rumah di Shah Alam terkejut melihat paparan imej kediaman di Instant Google Street View.

"Contohnya, jika perompak terlihat rumah mewah di aplikasi ini, mereka akan tergoda untuk melakukan jenayah dan menggugat keselamatan orang ramai.

#### Mudah cari lokasi kediaman

"Bagaimanapun, aplikasi ini juga ada kebaikannya kerana membolehkan orang ramai mencari lokasi yang dituju," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Jailani Johari, berkata ada kaedah untuk mengaburkan kedudukan rumah dengan meminta Google berbuat demikian.

"Tiada isu privasi dan orang ramai perlu lebih prihatin dengan keupayaan teknologi dan mengambil langkah melindungi keselamatan serta privasi masing-masing," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Cyber Security Malaysia, Dr Amirudin Abdul Wahab, berkata aplikasi yang dibangunkan oleh Google itu adalah selari dengan perkembangan teknologi pada masa ini.

"Bagaimanapun, Google sudah memberi panduan kepada orang ramai untuk menyembunyikan maklumat dan imej rumah serta premis mereka daripada dilihat

umum," katanya.

Orang ramai hanya perlu membuka laman web Google Maps, diikuti klik simbol Pegman (imej Street View) di bahagian bawah sebelah kanan dan cari imej yang ingin dikaburkan, sebelum klik Report Inappropriate Street View dan klik Submit.

Google akan memproses permintaan orang ramai dan menghantar e-mel selepas imej dikaburkan.

Jurucakap Google Malaysia Sdn Bhd pula berkata, pihaknya tidak dapat memberi sebarang komen berhubung aplikasi berkenaan.

**KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 30  
TARIKH: 04 OKTOBER 2014 (SABTU)**

## Pelan 6 tahun mampu kurangkan korban jalan raya



Wang Wah (dua dari kiri) sambil diperhatikan Dr Abdul Rahim dan Khalidah melakukan gimik perasmian program kempen keselamatan jalan raya pertukaran topi keledar, semalam.

[FOTO FARHAN NAJIB/BH]

**Seri Iskandar:** Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) yakin Pelan Keselamatan Jalan Raya 2014-2020 mampu mengurangkan kematian akibat kemalangan kepada dua orang bagi setiap 10,000 kenderaan dalam tempoh enam tahun ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Tam Weng Wah, berkata pelan itu antara langkah JKJR mengurangkan indeks kematian yang dijangka meningkat menjelang 2020 jika tiada langkah menanganinya.

Katanya, selain program kesedaran dan penguatkuasaan undang-undang trafik, pelan itu menekankan kesedaran bagi mengenal kematian di jalan raya.

"Ini bukan perkara mustahil kerana jika dilihat pada data kematian di antara 2004 sehingga 2013, indeks kematian 4.5 orang bagi setiap 10,000 kenderaan pada 2004 berkurangan kepada 2.9 orang tahun lalu.

"Berdasarkan statistik semasa, dijangkakan angka kematian akibat kemalangan jalan raya pada 2020 sebanyak 10,716 orang. Jumlah itu diharap dapat dikurangkan 50 peratus atau 5,358 orang," katanya.

Beliau berkata selepas merasmikan Majlis Kempen Kesedaran Lalulintas (CBP) dan Pertukaran Topi Keledar daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd di Uni-

versiti Teknologi Petronas (UTP) di sini semalam.

Weng Wah berkata, penunggang dan pemborong motosikal perlu lebih berhati-hati kerana mereka adalah penyumbang utama kemalangan maut.

Katanya, sebanyak 4,294 kes membabitkan golongan itu daripada 6,000 kematian di jalan raya tahun lalu.

"Pengguna jalan raya juga diingatkan lebih berhati-hati terutamanya ketika sambutan Aidiladha Ahad ini dengan patuh semua peraturan lalu lintas, buat perancangan awal dan kawal emosi ketika berada di jalan raya," katanya.